SYARAT-SYARAT PENYERTAAN TAWARAN/SEBUTHARGA PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PUSAT L3), KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN SEBUTHARGA : L3C/B01201/2022-2023/01

TARIKH TUTUP & HARI : 30 JULAI 2022 (SABTU) JAM : 9:00 PAGI

BILANGAN	KETERANGAN

1) Penyertaan	Penyertaan adalah dibukakan kepada Syarikat/Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam
	
	Syarikat / Pembekal yang ingin mengikuti tawaran/sebutharga ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
	• Berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai dokumen berikut:
	  ○ Sijil Pendaftaran (*Section 16* & *Section 17*) atau
	  ○ Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X) yang masih sah
	• Berdaftar dengan TAFIS dan mempunyai pengetahuan/pengalaman menggunakan sistem *E-Invoice*

2) Butiran	Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang disediakan dengan memastikan: • Borang Sebutharga disikan dengan betul dan terang • Setiap halaman dicop dengan nama Syarikat/Pembekal (ruang petak yang bertanda 'Cop Syarikat'/'*Company's Stamp*') • Keterangan maklumat sebutharga (Keterangan sebutharga dari Syarikat/Pembekal) hendaklah ditaip (*type-written*) atau ditulis dengan jelas dan kemas dalam ruangan yang disediakan • Jika pihak Syarikat/Pembekal tidak dapat / tiada memberikan sebutharga, sila nyatakan 'Tidak ada sebutharga' / '*No Quote*' / '*No Offer*' • Maklumat yang diberikan di dalam Borang Sebutharga hendaklah sahih dan benar • Sebarang pindaan (*amendments*) / kesalahan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong, ditandatangan ringkas dan dicop dengan nama syarikat. Penggunaan apa-apa bentuk pemadam adalah **TIDAK dibenarkan**
3) Tempoh Sahlaku Tawaran	Tempoh sahlaku sebutharga diberikan hendaklah **Minima Enam (6) Bulan** dari tarikh tutup sebutharga seperti dinyatakan dalam Borang Sebutharga

4) Borang Sebutharga & Pembayaran	Syarikat/Pembekal yang berminat untuk menyertai tawaran/sebutharga ini adalah dikehendaki untuk mengisi Borang Penyertaan **secara atas talian *(online)*** melalui pautan**:** **https://forms.gle/jLsfQduz62ysfiqF6** dan membuat pembayaran secara **WANG TUNAI** sebanyak **BND$5.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap projek** ke: **Tingkat 1, Blok Pentadbiran, Kaunter Unit Kewangan dan Perolehan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3), Kementerian Pendidikan.** **WAKTU PEMBAYARAN** **Isnin – Khamis : 8.30 Pagi – 11.30 Pagi** **Sabtu : 8.00 Pagi – 10.00 Pagi** Selepas pembayaran dibuat, salinan resit pembayaran bagi setiap projek hendaklah terlebih dahulu diemel oleh pihak Syarikat/Pembekal yang berminat ikut serta tawaran/sebutharga tersebut kepada **finance.l3c@moe.gov.bn** untuk tujuan mengesahkan pembayaran Borang Sebutharga dan dokumen yang berkaitan akan dihantar kepada pihak Syarikat/Pembekal sebaik sahaja pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3) menerima salinan resit pembayaran Syarikat/Pembekal tersebut
5) Dokumen-Dokumen Untuk Disertakan	Syarikat / Pembekal hendaklah menyertakan borang dokumen-dokumen seperti berikut: • Salinan Sijil Pendaftaran (*Section 16* & Section 17) atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil & Borang X)
6) Tempat Menghantar	Borang sebutharga yang lengkap (*hardcopy*) dan dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas (Bilangan 5) mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan dihantar **sebelum tarikh tutup iklan** ke: **Jabatan Pengajian Tinggi, Bilik B511, Blok B, Tingkat 5** **Bangunan Lama, Kementerian Pendidikan,** **Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510** **Negara Brunei Darussalam** Tawaran yang lewat diterima dari Tarikh Tutup dan Jam yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan
7) Pertanyaan	Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Program and Participation Division, Pusat L3 di **Talian +673 2346201, Sambungan 160** atau Emel: **finance.l3c@moe.gov.bn**